

Rakyat tolak politik

BH 28 SEP 1999

Oleh Zulkofli Jamaludin, Wan Hazmir Bakar dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kemenangan lebih besar Barisan Nasional (BN) Sarawak pada pilihan raya negeri membuktikan rakyat menolak cara politik kasar yang dibawa parti pembangkang.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan calon BN lain, Perdana Menteri berkata, keputusan itu juga membuktikan rakyat Sarawak menolak segala fitnah

yang ditaburkan pembangkang.

Beliau yang juga Pengerusi BN, berkata rakyat Sarawak jelas mahukan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan BN selama ini diteruskan.

"Saya gembira kerana rakyat Sarawak tolak sama sekali budaya kasar dari Semenanjung yang dibawa Pas dan Keadilan. Ini menunjukkan cara ini tidak diterima. Cara kasar bukan budaya kita dan saya harap orang lain juga menolak cara ini.

Kekalahan Pas dan Keadilan membuktikan budaya politik kasar yang dibawa dari Semenanjung tidak diterima rakyat

"Ini menunjukkan pemerintahan BN negeri di bawah kepemimpinan Tan Sri Taib dipilih walau ada kritikan, tuduhan dan fitnah yang dilempar kepada Ketua Menteri," katanya pada sidang akhbar di Stadium Putra, Bukit Jalil malam ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri merasmikan Per-

sidangan Pergigian Sedunia Federation Dentaire Internationale (FDI) ke-89.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzil, turut hadir pada persidangan yang disertai 10,000 pakar per-

kasar: PM

gigian dari seluruh dunia.

Perdana Menteri mengingatkan calon BN yang menang supaya menunaikan segala janji ketika kempen dan memastikan kerajaan memperhambakan diri kepada rakyat untuk membangunkan negeri.

"Mereka harus ingat ini adalah kepercayaan yang diberi oleh rakyat kepada mereka. Ketika kempen pilihan raya mereka mungkin membuat janji untuk memberi khidmat dan menolong orang.

"Sekarang adalah masa untuk menunaikan janji. Jangan mungkir janji. Jangan fikir sekarang ini kita dah menang, kita boleh

bersuka ria," katanya sambil bersyukur di atas kemenangan besar BN.

Ditanya apakah kemenangan BN itu disebabkan faktor kepemimpinan beliau, Dr Mahathir dengan rendah diri berkata, kemenangan itu bukan disebabkan oleh beliau sahaja.

"Rakyat Sarawak memilih BN. Pada waktu ini saya yang memimpin BN. Mungkin juga sedikit sebanyak pengaruh saya.

"Saya ke sana berkempen di luar bandar dan jumpa semua masyarakat. Mungkin itu mempengaruhi sebahagian rakyat Sarawak untuk menyokong BN," katanya.

Ditanya pencapaian BN dalam pilihan raya ini berbanding pilihan raya umum 1999, Perdana Menteri berkata, rakyat mula sedar bahawa tindakan memecat bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, bukan satu penganiayaan.

"Rakyat tidak lagi marah kerana sedar tindakan itu adalah untuk menyelamatkan negara.

"Sebagai Perdana Menteri apabila mendapat tahu sesuatu yang tidak baik, saya tidak boleh kira populariti. Saya percaya yang benar akan diketahui dan diterima rakyat," katanya.